

PM jamin imbangi kelangsungan hidup rakyat, ekonomi

Kuala Lumpur: Tan Sri Muhyiddin Yassin memberi jaminan kerajaan akan terus menggiatkan usaha mengimbangi aspek kelangsungan hidup rakyat dan ekonomi negara, sentiasa prihatin dan mendengar pandangan serta keluhan rakyat yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Perdana Menteri berkata, kerajaan memperkenalkan pelbagai dasar dan inisiatif termasuk pakej rangsangan ekonomi dan terbaharu, Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) bagi memelihara kebijakan rakyat dan menyokong kelangsungan perniagaan.

Berucap sempena sambutan Rumah Terbuka Tahun Baharu Cina dalam talian melalui Facebook rasmi Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) malam tadi, Muhyiddin turut mengajak semua pihak agar tidak berputus asa.

"Ibarat seekor lembu yang sen-

tiasa bertenaga dan bersedia untuk membajak serta berbakti kepada tanah. Seperti kata pepatah, 'kita tidak dapat mengubah arah angin, tetapi kita dapat menyesuaikan layar supaya sampai ke tempat kita tuju'.

"Kita adalah pelayar kapal kita sendiri dan marilah kita bekerjasama dalam menghadapi ribut ini. Tahun Baharu Cina adalah mengenai kebersamaan, kedamaian, kemakmuran dan kebahagiaan. Saya berdoa agar konsep ini melampaui usia, bangsa, agama dan budaya.

"Saya percaya Tahun Baharu Cina akan membawa harapan baharu dan pencapaian baharu," katanya menambah, 2020 adalah tahun yang sukar dan memberi banyak pengajaran buat semua di sebalik pandemik COVID-19 dan Malaysia turut berdepan situasi cukup luar biasa.

Perdana Menteri juga mengaku masyarakat Cina di negara ini

banyak menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara, merangkumi rantaian industri pelancongan, seni dan budaya yang menjadikan Malaysia destinasi pelancongan menarik dalam kalangan pelancong asing.

"Malaysia ibarat kepelbagaiannya ramuan dan rasa dalam 'Yee Sang' yang penuh berwarna-warni, yang sememangnya terkenal dengan masyarakat majmuk yang menyambut perayaan berbeza setiap tahun. Ia kebanggaan rakyat Malaysia, semua dapat meraikan bersama-sama setiap perayaan dengan penuh semangat perpaduan dan keharmonian.

"Memandangkan risiko jangkitan COVID-19 masih wujud dalam komuniti kita, maka saya fikir wajar untuk kita menyesuaikan amalan dan tradisi sambutan perayaan dalam bentuk yang lebih inovatif, iaitu menerusi teknologi digital seperti aplikasi e-Angpau," katanya.



Muhyiddin ketika berucap sempena sambutan Rumah Terbuka Tahun Baharu Cina dalam talian FB rasmi MOTAC, malam tadi.